

**Manifesto BN Komitmen Untuk Terus Bawa Pembaharuan, Najib
Bernama
4 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Manifesto pilihan raya umum Ke-13 (PRU13) Barisan Nasional (BN) yang akan dilancarkan Sabtu ini merupakan janji dan komitmen BN untuk terus melakukan pembaharuan dan perubahan di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Khamis.

"Manifesto itu merupakan aku janji kita (BN) kepada rakyat Malaysia, dengan mandat yang diberikan nanti, Insya-Allah kita akan komited untuk melakukan pembaharuan dan perubahan sesuai dengan matlamat BN.

"Manifesto ini untuk memakmurkan ekonomi negara dan mensejahterakan masyarakat berpaksikan kepada falsafah 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' dan berlandaskan kepada dasar dan agenda transformasi nasional," katanya.

Pengerusi BN dan Presiden Umno itu berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, diikuti dengan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Antara yang hadir pada sidang akhbar itu ialah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung BN Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, Presiden MIC Datuk G Palanivel, Presiden Parti Progresif Rakyat Datuk M Kayveas dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Najib berkata beliau juga mahu manifesto itu dihayati dan difahami rakyat kerana ia merupakan komitmen serius BN.

"...dan kita telahpun dalam tempoh empat tahun ini membuktikan bahawa bila kita janji, kita telah tepati janji kita dan saya yakin serta percaya manifesto kita itu ialah lambang janji baharu kita kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata BN setiap negeri juga akan mengemukakan manifesto berasingan yang akan menekankan isu negeri masing-masing.

"Manifesto pusat sebagai manifesto induk, (merangkumi) dasar-dasar induk tetapi khusus kepada negeri maknanya projek-projek yang ada kaitan dengan negeri berkenaan itu akan kita tekankan dan ketengahkan dalam manifesto peringkat negeri.

"(Sebagai) contoh Selangor (menekankan isu) air, Kelantan pasal stadium, masjid, lebuhraya dan sebagainya," katanya sambil menambah ia akan dilancarkan pengerusi BN negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939469>